


IQRA'

BIL. 5/2025
MEI



SIDANG REDAKSI



PENASIHAT

Ts. Hj. Azizi Bin Hj Jantan



EDITOR

Pn. Shahidatul Akhmam Rambeli



PENYELARAS

Pn. Asmah binti Sabtu



REKA BENTUK GRAFIK

En. Muhammad Hazhar B Abd Aziz

Shah Alam	: Asmah Sabtu, Norazlin Mohd. Yusof, Nor Hafizah Md. Hanafiah, Rizana Mohd Radwan, Hanani Rojikin
Melaka	: Hazlin Ibrahim Khan, Siti Haidah Md Aziz, Ilya Nur Fateen Othman
Perlis	: Khairil Izwan Hasan
Sabah	: Marlia Yuming, Alfera Zurhain Sairin
Kedah	: Mohd Amiruddin Mohd Nasir
Pulau Pinang	: Nor Azilawati Mohamad Azmi, Nurhayati Hassan
Kelantan	: Norfitriah Mat Seman, Rosmariyati Ab Rahman
Perak	: Muhamad Azim A'nsori, Nur Dayana Mohd Narwawi
Sarawak	: Hapsah Suut, Dyg Azimah Abg Yusof, Normah Saadie
Pahang	: Muniratul Husna Mohamad Zaki, Mohd Anwar Hassim
Terengganu	: Mohd Shahnizam Mat Zain, Asmahani Abdullah, Nurmaisari Che Anuar
Johor	: Siti Rozana Mat Sanat, Nor Azelea Mohd Azahar
N. Sembilan	: Syaiful Hisyam Saleh, Mohd Hafiz Kasirun, Muhammad Syafiq Amirullah
Selangor	: Hafiza Mustape, Nur Fatihah Muhamad, Fatin Hanisah Ahmmad Rofee, Wan Rohani Wan Chin, Norliza Othman, Adi Azri Mohamad, Suzana Ishak, Nurkhairunisa Jaafar

KEKERAPAN KELUARAN: 12 KELUARAN SETIAP TAHUN

PENERBIT

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

Program 1 Staf 1 Perkongsian Ilmu Siri 1/2025 Anjuran Perpustakaan Sultan Badlishah

Disediakan oleh: Muzammil Mustafa, Pembantu Pustakawan Kanan
Kampus: Perpustakaan Sultan Badlishah (PSB) UiTM Cawangan Kedah



Merbok, 7 Mei 2025 – Budaya pembelajaran berterusan dan perkongsian ilmu merupakan antara elemen terpenting dalam memacu kecemerlangan sesebuah organisasi. Menyedari hakikat ini, Perpustakaan Sultan Badlishah telah mengambil inisiatif proaktif dengan menganjurkan program dalaman yang dikenali sebagai “Program 1 Staf 1 Perkongsian Ilmu”. Siri pertama bagi tahun 2025 telah berjaya dilaksanakan pada 7 Mei 2025 bertempat di Perpustakaan Sultan Badlishah sendiri. Program ini dirangka khusus untuk menjadi platform bagi warga kerja perpustakaan berkongsi kepakaran dan pengetahuan, seterusnya memupuk budaya kerja yang positif dan berilmu.

Program siri 1/2025 kali ini telah menampilkan dua orang staf sebagai penceramah, di mana masing-masing telah berkongsi topik yang relevan dengan keperluan tugas dan pembangunan profesional warga kerja. Sesi pertama telah disampaikan oleh Puan Hamidah Mohd yang menegenahkan tajuk “Asas Suntingan Video untuk Promosi Perpustakaan”. Dalam sesi ini, para peserta telah didedahkan kepada pengetahuan asas mengenai teknik-teknik suntingan video dengan menggunakan perisian yang mudah diakses dan dikendalikan. Puan Hamidah turut berkongsi cara menghasilkan kandungan video promosi yang kreatif dan menarik, yang boleh dimanfaatkan untuk mempromosikan pelbagai aktiviti, perkhidmatan, dan koleksi yang terdapat di perpustakaan. Perkongsian ini amat signifikan dalam era digital masa kini, di mana promosi melalui media visual mampu memberi impak yang lebih besar kepada pengguna.

Sesi kedua pula diteruskan dengan perkongsian daripada Puan Rozaini Yahaya yang membawakan tajuk “Etika & Penampilan Profesional”. Sesi ini memfokuskan kepada kepentingan menjaga etika kerja dan penampilan diri yang profesional dalam menjalankan tugas harian. Puan Rozaini menekankan bahawa imej profesional seseorang staf bukan sahaja mencerminkan keperibadian diri, tetapi juga imej keseluruhan Perpustakaan Sultan Badlishah sebagai sebuah institusi ilmu. Antara aspek yang dibincangkan termasuklah adab berinteraksi dengan rakan sekerja dan pelanggan, etika berpakaian yang kemas dan bersesuaian, serta amalan komunikasi yang efektif dan berhemah. Topik ini dilihat sebagai pelengkap penting kepada kemahiran teknikal, bertujuan untuk membina modal insan yang holistik dan berintegriti tinggi.

BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03 5521 1704



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.



library.uitm.edu.my